

PELAKSANAAN KELAS PENGAJIAN ASAS FARDHU AIN KEPADA MUALLAF DI KEDAH DAN CABARANNYA

Dr. Syahrul Faizaz Abdullah¹, Dr. Ssuna Salim², Dr. Mohd Akram Dato' Dahaman³,
Dr. Solahuddin Abd Hamid⁴ dan Dr. Mohd Nizho Abd Rahman⁵

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 14 April 2018

To cite this document: SF Abdullah, S Salim, MA Dato' Dahaman, S Abd Hamid, MN Abd Rahman. (2018). Pelaksanaan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain Kepada Muallaf Di Kedah Dan Cabarannya. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(9), 25 - 37.

Abstrak: Tanggungjawab membimbing muallaf terletak di bahu semua Muslim sama ada di peringkat individu, masyarakat dan Negara. Peranan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan mereka mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan terus kekal dalam Islam. Tanggungjawab ini secara rasmi dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam Negeri dan dibantu oleh organisasi dakwah bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kebajikan Saudara Muslim (PERKIM), Angkatan Belia Islam (ABIM) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA). Oleh itu artikel ini bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan program bimbingan muallaf di Negeri Kedah Darul Aman dan cabarannya. Kajian ini berbentuk kajian kes dengan menggunakan teknik pengumpulan data menggunakan kaedah interviu, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis secara diskriptif. Hasil analisis mendapati institusi dan organisasi dakwah kerajaan dan bukan kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan program bimbingan kepada muallaf. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu berkaitan pelaksanaan program bimbingan berkaitan dengan kurangnya jalinan kerjasama antara organisasi, cabaran pengurusan organisasi yang kurang sistematik, kekurangan dana kewangan dan sumber manusia yang terlatih. Kajian ini mencadangkan perlunya ada satu jalinan kerjasama antara organisasi dan melatih pelapis-pelapis pendakwah bagi memastikan program bimbingan melalui kelas pengajian menjadi lebih berkesan dan dapat mengatasi isu-isu yang timbul.

Kata Kunci: Pelaksanaan, Kelas Fardhu Ain, Muallaf, Institusi dan Organisasi Dakwah, Negeri Kedah.

¹ Pensyarah Kanan Jabatan Tamadun dan Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah UUM CAS Universiti Utara Malaysia

² Penterjemah Bebas

³ Pensyarah Kanan Jabatan Tamadun dan Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah UUM CAS Universiti Utara Malaysia

⁴ Pensyarah Kanan Jabatan Tamadun dan Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah UUM CAS Universiti Utara Malaysia

⁵ Pensyarah Kanan Jabatan Tamadun dan Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah UUM CAS Universiti Utara Malaysia

IMPLEMENTATION AND CHALLENGES OF MUALLAF FOUNDATION FARDHU AIN CLASSES IN THE STATE OF KEDAH

Abstract: *The responsibility of guiding the muallaf rests on the shoulders of all Muslims be it the individual, society and the State. This is done to ensure that they practice the true teachings of Islam and maintain their new faith. This responsibility in Malaysia is officially carried out by the Council of Islamic Affairs Department assisted by non-government dakwah organizations (NGO) such as All Malaysia Muslim Welfare Association (PERKIM), Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) and Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). This study aims at giving a comprehensive idea about how muallaf programs are conducted in the Northern State of Kedah. This is a case study whose data were gathered through semi-structured interviews, observations and document analysis. These data were analysed through descriptive method. The results of the study show that both the government and non-government organizations do their level best to teach the muallaf. The study observes that there are a number of unsatisfactory related issues like lack of cooperation among these organizations, unsystematic administrative challenges, lack of sufficient funds and qualified trained personnel. The study concludes that there should be cooperation among these organizations in order to make these programs more effective and more efficient, such that any challenges and problems that crop up will easily identified and effectively and efficiently managed.*

Keywords: *Implementation, Fardhu Ain Classes, Muallaf, Dakwah institution, The State of Kedah*

Pendahuluan

Islam adalah agama universal yang terbuka kepada semua, Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap Muslim sama ada di peringkat individu, masyarakat, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menyampaikan ajaran Islam kepada orang yang bukan beragama Islam. Usaha membimbing golongan ini berterusan selepas pengislaman dan mereka dikenali sebagai muallaf. Secara umumnya ulama kontemporari telah mendefinisikan muallaf sebagai seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya dalam kalangan mereka yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela orang Islam atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap orang Islam. (Sayyid Sabiq 2009; al-Qaradhawi: 1996; Zaydan 1999). Walau bagaimanapun dalam konteks Malaysia, istilah muallaf merujuk kepada seseorang yang telah memeluk Islam dan telah didaftarkan dengan daftar muallaf. Selain perkataan muallaf, terdapat istilah lain yang digunakan di Malaysia iaitu saudara baru, saudara kita dan saudara Muslim (A'athiroh Masyaa'il Tan et al. 2014)

Berdasarkan peruntukan undang-undang di Malaysia, pengurusan berkaitan bimbingan dan kebajikan muallaf secara rasmi berada di bawah tanggungjawab kerajaan negeri melalui agensi-agensinya sama ada Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam. Peruntukan undang-undang yang sama dilaksanakan di Negeri Kedah. Tanggungjawab membimbing muallaf secara rasmi dilaksanakan oleh Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

(PUSBA) yang berada di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah dibantu oleh organisasi dakwah bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kedah Convert Muslim Association (KECMA) dan Hidayah Center Foundation (HCF). Apa yang membezakan muallaf di Kedah berbanding dengan negeri lain ialah kelompok ini terdiri dari warganegara iaitu etnik India, Cina, orang Asli dan orang Siam serta bukan warganegara majoritinya orang Siam dari Thailand. Muallaf dari Thailand ini kebanyakan adalah wanita yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Tidak ada sumber rasmi yang dapat memberikan jumlah sebenar muallaf di Kedah. Menurut perangkaan Malaysia (2010) negeri ini mempunyai penganut agama Islam yang majoritinya Melayu iaitu seramai 1,759,537 orang, Bumiputera lain berjumlah 13,068 orang, Cina dan India masing-masing seramai 4,074 orang dan 8,318 orang, lain-lain 5,896 dan bukan Warganegara 158,500. Statistik bantuan zakat oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah menunjukkan bilangan muallaf baru berdasarkan jumlah mereka yang mendapat bantuan permulaan pengislaman pada tahun 2014 seramai 119 orang, tahun 2015 pula sebanyak 140 orang dan pada tahun 2016 seramai 128 orang. Angka ini menunjukkan jumlah setiap tahun yang memeluk Islam di Negeri Kedah melebihi 100 orang dan mereka perlu dibimbing untuk memastikan mereka dapat mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

Walaupun terdapat beberapa organisasi yang secara rasmi atau sukarela mengendalikan hal-ehwal muallaf namun masih terdapat beberapa isu-isu berbangkit berkaitan dengan bimbingan dan kebajikan mereka. Sebagai orang yang baru memeluk Islam, muallaf masih belum memahami sepenuhnya ajaran Islam. Mereka sedang dalam proses membina persepsi diri tentang nilai, kepercayaan serta amalan hidup yang belum pernah diamalkan sebelum ini (Mahfuz Haji Teh 1992). Pada masa yang sama mereka menghadapi pelbagai jenis cabaran, tekanan dan masalah. Antaranya ialah gangguan emosi, kepincangan adat dan budaya, masalah perundangan, masalah ekonomi dan juga konflik kekeluargaan yang boleh sampai ke tahap penyingkiran ahli keluarga asal. Bagi mereka, menukar agama adalah umpama pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan agama (Anuar 2005). Justeru itu, golongan muallaf harus terus dibantu dari segi bimbingan kerohanian, kewangan dan psikologi agar dapat menjaga kesejahteraan hidup mereka.

Tidak dapat dinafikan aspek bimbingan kerohanian yang merangkumi pengajian ilmu-ilmu asas agama Islam (fardhu ain) sangat penting untuk mengukuhkan kefahaman mereka tentang ajaran Islam dan beramal dengannya. Menurut Siti Fathimatul Zahrah dan A'athiroh Masyaa'il Tan (2015) bimbingan atau Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan diri muallaf setelah memeluk Islam. Ia merupakan usaha berterusan untuk menerapkan ilmu pengetahuan yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Secara umumnya Pendidikan Islam bermaksud proses melatih diri dari aspek rohani, jasmani dan akal berdasarkan nilai-nilai yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah (Abdul Halim El Muhammady 1984). Menurut Ibn Khaldun (2000) ilmu-ilmu ini dikategorikan sebagai ilmu Fardhu Ain iaitu ilmu yang dituntut ke atas setiap Muslim untuk mengetahui dan mempelajarinya bagi melaksanakan tuntutan agama. Oleh itu muallaf perlu didedahkan kepada ilmu-ilmu ini bagi memastikan mereka dapat memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar. Menyedari kepentingan ilmu fardhu ain ini kepada muallaf, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan kelas pengajian asas agama Islam atau Fardhu Ain oleh organisasi dakwah di Negeri Kedah dan menganalisis cabaran yang di hadapi oleh mereka dalam melaksanakannya.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data premier menggunakan kaedah temu bual *in depth* secara bersemuka berbentuk separa berstruktur dan menjurus kepada soalan terbuka. Temu bual dijalankan di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kedah Convert Muslim Association (KECMA) dan Hidayah Center Foundation (HCF). Data temubual yang diperoleh bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajian asas agama Islam. Alat kajian yang digunakan dalam *in-depth interview* ialah protokol temu bual. Alat-alat teknikal yang digunakan adalah MP3 untuk rakaman temu bual. Proses penulisan transkripsi *verbatim* dilakukan dengan cara menulis semula perkataan demi perkataan hasil temu bual tersebut, sebagai rujukan jika timbul kekeliruan dalam proses transkripsi data.

Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian dibahagikan kepada tiga sub-topik utama iaitu organisasi yang melaksanakan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain, pelaksanaan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain dan cabaran pelaksanaan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain.

Organisasi yang melaksanakan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain

Kajian ini telah memilih tujuh yang paling aktif menjalankan dakwah kepada muallaf iaitu institusi kerajaan yang terdiri daripada Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) dan NGO iaitu Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kedah Convert Muslim Association (KECMA) dan Hidayah Center Foundation (HCF). Didapati bahawa hanya empat organisasi yang menjalankan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain iaitu PUSBA yang mewakili institusi kerajaan. Manakala organisasi dakwah bukan kerajaan dilaksanakan oleh PERKIM, Hidayah Center Foundation (HCF) dan Persatuan Kedah Convert Muslim Association (KECMA).

Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA)

PUSBA merupakan badan di bawah Majlis Agama Islam Kedah yang bertanggungjawab melaksanakan program bimbingan kepada muallaf. PUSBA ditubuhkan apabila satu jawatankuasa bagi menangani gejala murtad dalam kalangan muallaf telah membuat resolusi dengan mencadangkan satu pusat khusus diwujudkan bagi memberi pendidikan tentang ajaran Islam kepada mereka. Cadangan ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam dan ia ditubuhkan pada 8 Mac 1998. Pusat ini mula beroperasi sepenuhnya pada 1 April 1999. Objektif utama penubuhannya ialah untuk memberi pendidikan dan kefahaman kepada muallaf mengenai asas-asas Islam dan memelihara akidah, syariah serta akhlak mereka. Seterusnya untuk menyekat dan membendung gejala murtad selepas mereka memeluk Islam dan meningkatkan kesedaran rasa ukuwwah Islamiah dalam kalangan mereka.

Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

PERKIM Bahagian Negeri Kedah telah ditubuhkan dalam tahun 1967. Pengerusi pertama ialah Y.A.Bhg. Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Shahabudin Al-Haj, Menteri Besar Kedah pada tahun itu. Pejabat PERKIM Bahagian Negeri Kedah pada mulanya bertempat di Pejabat

Pelajaran Dewasa (Bahagian Agama) Jalan Langgar. Objektif utama pada awal penubuhannya adalah untuk mengurus kebajikan orang Islam terutamanya muallaf dan kemudiannya ditambah untuk menjaga kebajikan fakir miskin. Pada hari ini ibu pejabat organisasi ini bertempat di bangunan pejabat Asrama Anak Yatim PERKIM Darul Aitam Walmasakin (DATAR) yang terletak di 1475, Lorong Seri, Jalan Langgar Alor Setar. Perpindahan ini bertujuan supaya pentadbirannya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Hidayah Center Foundation (HCF)

Hidayah Centre telah ditubuhkan pada tahun 2005 sebagai sebuah pusat perlindungan dan sokongan kepada muallaf. Berpusat di Pusat Bandar Melawati dan kumpulan sasarannya terdiri daripada kalangan muallaf yang memerlukan bimbingan kerohanian, berhadapan dengan masalah keluarga dan memerlukan perlindungan sementara. Pada tahun 2012, pusat ini secara rasminya telah didaftarkan di bawah Jabatan Perdana Menteri menjadi Hidayah Center Foundation (HCF) dan membuka cawangannya di seluruh negara. Di Negeri Kedah pejabat resminya terletak di Pusat Pendidikan al-Azhar Mukim Gelong Jitra Kedah. Ia beroperasi secara sepenuh masa sebagai sebuah pusat perlindungan dan bimbingan muallaf yang berhadapan dengan masalah keluarga dan sosial serta memerlukan tempat perlindungan, begitu juga yang telah lama memeluk Islam tetapi masih memerlukan bantuan.

Persatuan Kedah Convert Muslim Assosiation (KECMA)

KECMA ditubuhkan pada tahun 2010 apabila Pengerusinya Ibrahim Lai merasa terpenggil untuk menubuhkan sebuah organisasi dakwah yang membuka keahlian kepada semua kaum tidak terhad kepada etnik tertentu sahaja. Organisasi ini beroperasi di Bandar Jitra di Daerah Kubang Pasu Kedah. Setakat Mac 2015, ahlinya mencecah 200 orang yang terdiri dari orang Cina, India, Siam dan Iban. Separuh daripada jumlah tersebut ialah orang Siam. Kebanyakan mereka terdiri daripada wanita bukan warganegara dari Thailand yang telah memeluk Islam kerana berkahwin dengan lelaki tempatan. Objektif organisasi ini untuk membantu dan menjaga muallaf dari aspek bimbingan dan kebajikan. Kesungguhan pengerusinya yang begitu prihatin dengan keadaan muallaf dan latar belakangnya sebagai Cina Muslim telah menarik ramai muallaf menyertai organisasi ini.

Pelaksanaan Kelas Pengajian Kelas Pengajian Asas Agama Islam (Fardhu Ain)

Analisis mendapati hanya terdapat beberapa bentuk kelas pengajian asas agama Islam yang dilaksanakan di negeri Kedah. Kelas pengajian formal berbentuk kursus jangka pendek, kelas berbentuk harian dilaksanakan pada hari bekerja, kelas mingguan yang dilaksanakan pada hujung minggu dan kelas persendirian.

Kelas Pengajian Berbentuk Formal

Analisis mendapati PUSBA melaksanakan program bimbingan berbentuk kelas pengajian asas agama Islam (Fardhu Ain) berbentuk harian secara formal. Kursus asas mengambil masa selama 4 bulan iaitu sesi Januari hingga April dan sesi Mei hingga Ogos. Peserta yang lulus akan diberikan Sijil Asas Kefahaman Islam. Selalunya peserta akan mengikuti kursus di PUSBA selama tiga semester tanpa had umur peserta dan peluang terbuka kepada semua muallaf dari semua negeri di Malaysia. Silibus yang digunakan bagi program bimbingan asas kefahaman Islam dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah merangkumi pengajian Tauhid, Fekah, Akhlak, Sirah Rasulullah s.a.w, pelajaran asas-asas Tilawah Al-Quran dan asas-

asas Tulisan Jawi. Setiap semester sebanyak dua kelas yang akan di buka A dan B yang mengandungi 20 hingga 25 orang setiap kelas. Selain kelas pengajian, program-program lain diadakan bagi setiap sesi pengajian untuk memantapkan lagi penghayatan pelajar tentang Islam. Antaranya Kursus Khemah Ibadah pada setiap penghujung sesi sebagai kemuncak program kursus ini, program bimbingan tetap berbentuk motivasi, bimbingan berkaitan muamalat seperti pengurusan jenazah dan sembelihan binatang. Pelajar yang mengikuti kursus ini mempunyai pakaian seragam khusus dan mendapat elaun bulanan RM300.00 daripada LZNK sepanjang tempoh pengajian. Pelajar yang mengikuti kelas perlu tinggal di asrama. Terdapat kes di mana pelajar dibenarkan tinggal di luar tetapi ia jarang-jarang berlaku. Pelaksanaan kelas pengajian yang dilaksanakan oleh PUSBA berbentuk sistemetik, komprehensif dan intensif kerana ia mempunyai jangka masa tertentu, mempunyai modul khusus dan pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pembelajaran kerana mereka tinggal di asrama.

Kelas Pengajian Berbentuk Tidak Formal

Kajian mendapati terdapat dua bentuk kelas pengajian berbentuk tidak formal. Pertamanya kelas pengajian berbentuk harian yang dilaksanakan oleh PERKIM. Kelas ini dikendalikan oleh Ketua PERKIM wanita negeri Kedah, Datin Hajah Fatimah Ibrahim dan dibantu oleh seorang tenaga pengajar tetap dan dua orang tenaga pengajar sukarela. Kelas pengajian diadakan pada hari Selasa hingga hari Khamis meliputi pelajaran Tilawah al-Quran, Tafsir al-Quran, Tauhid, Feqah dan Akhlak. Kelas di adakan di sebelah petang. Kelas ini terbuka kepada muallaf wanita dan jumlah yang paling ramai datang ialah 30 orang pada satu-satu masa. Setakat ini PERKIM tidak mempunyai modul khusus untuk kelas pengajian. PERKIM pernah menganjurkan kelas pengajian Tafsir dalam Bahasa Thai dengan kerjasama dengan pelajar Kolej Universiti Islam Insaniah (KUIN) kerana majoriti muallaf yang belajar di situ lebih fasih berbahasa Thai. Walau bagaimanapun kelas tersebut tidak diteruskan kerana pelajar tersebut telah menamatkan pengajian. Oleh kerana kelas yang dilaksanakan oleh PERKIM pada hari bekerja, ia hanya mendapat sambutan dalam kalangan suri rumah dan mereka yang tidak bekerja.

Keduanya kelas mingguan pula dilaksanakan oleh PUSBA, KECMA dan HCF. PUSBA memberi peluang pelajarnya kepada masyarakat luar melalui interaksi semasa kuliah pengajian di luar PUSBA iaitu di Masjid Sultan Muzafar Shah Sungai Petani setiap hari Sabtu. Kuliah pengajian tersebut dikendalikan oleh tenaga pengajar PUSBA. Di samping itu pusat ini juga telah menyediakan kelas pengajian mingguan kepada muallaf yang tidak dapat mengikut kursus pengajian Islam harian. Mereka berpeluang menghadirkan diri kelas pengajian mingguan PUSBA dan di luar PUSBA di tempat-tempat berikut; hari Ahad pukul 8:30 pagi hingga pukul 12:00 tengahari di PUSBA, pukul 3.00 petang hingga pukul 5:30 petang di Bidong dan 9.00 pagi hingga pukul 12:00 tengahari di Rumah Orang-orang Tua Kulim kedah.

KECMA pula telah berkerjasama dengan Ibu Pejabat Polis (IPK) Alor Setar untuk mengadakan kelas pengajian di IPK Alor Star dikendalikan oleh Ustaz Ahmad Bin Yusof, seorang anggota polis secara sukarela. Kelas pengajian ini diadakan pada hari Jumaat dan Sabtu bermula pukul 9.00 pagi hingga pukul 11.00 pagi berbentuk syarahan. Tiada modul atau silibus khusus bagi kelas bimbingan ini. Peserta yang mengikuti kelas tersebut seramai 70 orang dan lebih kurang 30 orang daripadanya adalah muallaf. KECMA juga dengan kerjasama HCF telah mengadakan kelas pengajian di Masjid Kubur Panjang pada hari Jumaat. Terdapat seramai 100 orang muallaf di sana. Kelas diadakan dalam Bahasa Thai kerana kebanyakan muallaf di situ bertutur dengan bahasa tersebut. Tenaga pengajar adalah secara sukarela. Tidak dapat dinafikan kelas

berbentuk mingguan ini telah memberi peluang kepada muallaf yang tidak dapat mengikuti kelas pengajian harian untuk menambahkan ilmu fardhu ain mereka.

Kelas Persendirian

Didapati HCF pula telah mengadakan kelas bimbingan asas agama Islam secara persendirian untuk memberi bimbingan kepada muallaf yang tidak dapat hadir ke kelas pengajian disebabkan oleh faktor kekangan kerja atau jarak yang jauh. Muallaf yang menghadiri kelas persendirian tidak ramai. Kelas persendirian diadakan berdasarkan kepada permintaan. Tidak ada modul khusus digunakan tetapi pengajian menekankan asas fardhu ain seperti Tilawah al-Quran, Tafsir al-Quran, Tauhid, Fekah, Akhlak dan Sirah. Kelas persendirian ini adalah alternatif yang ada bagi membantu muallaf untuk mendalami ajaran Islam. Tidak timbul alasan bahawa organisasi dakwah yang ada di Kedah tidak menyediakan peluang pendidikan fardhu ain kepada mereka.

Perbincangan

Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa institusi dakwah di Kedah yang berada di bawah kerajaan negeri atau NGO telah berusaha menyediakan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain kepada muallaf-muallaf di kedah. Terdapat kelas pengajian formal berbentuk kursus, kelas tidak formal pula berbentuk harian dilaksanakan pada hari bekerja atau kelas mingguan yang dilaksanakan dan kelas persendirian. Terdapat kelas pengajian yang menggunakan modul yang khusus dan ada juga kelas tidak mempunyai modul tertentu atau berbentuk ceramah tetapi mementingkan penyampaian asas-asas agama Islam atau fardhu ain kepada muallaf.

Pelaksanaan pengajian yang dilaksanakan di PUSBA hampir sama dengan bentuk pengajian yang dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Kota Bharu Kelantan di mana ia berbentuk pendidikan fardhu ain harian berbentuk formal. IDIP juga mempunyai tiga tahap pengajian iaitu Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI); minimum enam bulan dan tidak boleh melebihi setahun. Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) selama setahun (dua semester) dan Sijil Pengajian Islam (SPI) dengan syarat memiliki SPM atau lulus SAP yang ditawarkan oleh IDIP. Kursus-kursus yang dilaksanakan bertujuan agar muallaf dapat memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup dan dapat menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat. Sukatan pelajaran KPPI merangkumi aspek fardhu ain, pengajian Tilawah, akidah, syariah dan akhlak. Pelaksanaan pengajian di IDIP telah memberi impak kepada pelajar kerana terdapat pelajar yang berjaya menjadi pendakwah yang terkenal seperti Ravi Abdullah (Razaleigh Muhamad @ Kewangit dan Marlo Pontino Guleng 2014). Secara umumnya pelaksanaan pengajian di IDIP lebih berkesan kerana sukatan pelajaran yang sesuai, sistem pendidikan yang teratur dan tenaga pengajar yang mencukupi dan berkelayakkan.

Terdapat beberapa kajian yang menganalisis pelaksanaan kelas pengajian berbentuk harian dan mingguan di negeri lain di Malaysia, dan didapati pengendalian kelas adalah hampir sama dengan apa dipraktikkan di Negeri Kedah. Antaranya, kajian tentang pelaksanaan kelas pengajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Selangor dan Kelantan.

Pelaksanaan Kelas Pengajian di WPKL telah dikaji oleh Zakaria Noh (2010) dan didapati PERKIM telah berkerjasama dengan JAWI dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mengadakan kelas pengajian di ibu pejabat PERKIM setiap hari bermula pukul 5 petang hingga pukul 9.30 malam Isnin hingga Jumaat. Ilmu fardhu ain yang ditekankan dalam kelas harian ini ialah Fekah, Sirah, Iqra' (asas bacaan al-Quran), Tafsir al-Quran,

Muqaddam (Juzuk 30 al-Quran), bimbingan solat dan Fardhu Ain. Pada hari Sabtu Ahad PERKIM berkerjasama dengan pendakwah bebas, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), JAWI, MAIS dan guru Kelas Fardhu Ain (KAFA), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan HCF, MAIWP dan Albarqy (Zakaria Noh 2010). Merangkumi mata pelajaran Fardhu ain, asas Fekah, Akhlak, Iqra', Tafsir al-Quran, Sirah, Tasawuf, Muqaddam, bimbingan solat, Taranum, Tajwid, asas muqaddam, aqidah, undang-undang keluarga Islam, Kitab Fekah dan Bahasa Arab. Istimewanya kelas pengajian di sini turut dikendalikan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil, Bahasa Mandrin. Kajian oleh Syahrul Faizaz 2013 tentang pelaksanaan kelas pengajian di JAWI mendapati ia diadakan lima kali seminggu, Isnin hingga Jumaat, sesi pagi atau petang. Matapelajaran yang diajar ialah Tauhid, Fekah, al-Quran, Akhlak dan Sirah. Berdasarkan kepada dua kajian ini terdapat beberapa perbezaan dengan pelaksanaan pengajian di Kedah. Antara yang ketara ialah dari segi keterlibatan aktif organisasi dakwah kerajaan dalam mengadakan kelas bimbingan, di mana JAWI sendiri telah menganjurkan kelas pengajian tersebut atau mereka berkerjasama dengan organisasi dakwah lain contoh. Selain itu hubungan kerjasama yang erat antara organisasi dakwah kerajaan dan bukan kerajaan terserlah apabila mereka bersama-sama menjayakan kelas pengajian di PERKIM. Ini membantu dari segi menangani isu kekurangan tenaga pengajar. Selain itu kelebihan yang terdapat di WPKL apabila tenaga pengajar boleh mengendalikan dalam pelbagai bahasa. Tidak dapat dinafikan keadaan ini memberi kesan yang positif terhadap kefahaman muallaf apabila mereka diajar dengan bahasa yang mereka fahami. Waktu kelas yang diajarkan juga pelbagai memberi peluang kepada muallaf untuk memilih waktu yang sesuai dengan mereka

Pelaksanaan kelas pengajian di Selangor telah disentuh oleh Zulfadli Zafik yang mendapati Kelas fardhu ain di Daerah Hulu Langat Selangor dijalankan berbentuk harian iaitu hari Isnin hingga Jumaat dan hujung minggu pada hari Sabtu. Kelas pengajian dilaksanakan di beberapa lokasi antaranya di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), surau PAID, surau-surau kampung orang asli, Taman Pelangi Semenyih, Penjara Kajang dan Masjid Penjara Kajang. Kebiasaannya diadakan pada waktu petang dan sebelah malam. Pengajian di sini memfokuskan kepada ilmu Bimbingan Iqra', Bimbingan Islam, Bimbingan Akhlak dan Bimbingan Fekah. Terdapat kelas pengajian yang dikendalikan dalam Bahasa Tamil. Perbezaan pelaksanaan kelas pengajian di Selangor dengan di Kedah dapat dilihat dari segi penglibatan jabatan agama Islam, pilihan waktu yang sesuai dengan jadual muallaf, bahasa yang digunakan dan silibus kelas yang memfokuskan kepada ilmu-ilmu asas dan sesuai dengan tahap yang paling asas.

Kajian oleh Zaini Yusnita, Ayu Nor Azilah, Mariani (2013) telah membincangkan pelaksanaan kelas pengajian Fardhu Ain di Kelantan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Hal Ehwal Islam Kelantan. Didapati kelas pengajian di sana berbentuk mingguan dan dilaksanakan pada hari Jumaat setiap minggu dari pukul 8:30 pagi -12:00 tengahari. Kelas diadakan di beberapa tempat iaitu Dewan Kompleks Islam Darulnaim, Kota Bharu, Dewan Mahkamah Syariah Kuala Krai dan Bilik Kuliah Masjid Mohd Faez Petra, Gua Musang. Sukatan pelajaran yang digunakan merangkumi aspek Iqra' al-Quran, Tauhid dan Fekah. Jumlah pelajar mencecah 250 orang dan seramai 15 orang tenaga pengajar dilantik oleh jabatan agama tersebut. Dapat disimpulkan bahawa jabatan agama negeri ini bergiat aktif mengadakan kelas pengajian kepada muallaf dan silibus pengajian yang memfokuskan kepada asas agama Islam iaitu bacaan al-Quran, Tauhid dan Fekah.

Diharapkan perbandingan pelaksanaan kelas pengajian yang dilaksanakan di Negeri Kedah dan negeri-negeri lain menjadi titik-tolak kepada penambahbaikan aspek-aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kelas pengajian negeri ini. Terutamanya dari aspek waktu, bentuk modul

dan penglibatan aktif jabatan agama Islam negeri bagi memastikan kelas pengajian dapat memberi manfaat kepada muallaf di Kedah.

Cabaran dalam melaksanakan Kelas Pengajian Asas-asas Agama Islam

Analisis mendapati cabaran yang dihadapi oleh organisasi-organisasi ini dari segi tidak ada modul pengajian asas agama Islam yang standard, cabaran sumber manusia, fasilitis, kewangan dan sikap muallaf.

Modul Pengajian Asas Agama Islam

Analisis tembual mendapati keempat-empat organisasi yang dikaji menghadapi cabaran dari segi tiada modul yang khusus untuk kelas pengajian. PUSBA juga amat memerlukan silibus pengajian yang tetap dan selaras untuk kelas pengajian yang merangkumi Tilawah al-Quran, Tafsir al-Quran, Tauhid, Fekah, Akhlak dan Sirah. Setakat temubual dilaksanakan, masih tidak terdapat silibus yang tetap dan apabila tenaga pengajar baru datang mereka akan mengubah-suai silibus yang ada. Justeru itu mereka amat memerlukan bantuan idea-idea buah fikiran untuk memperbaiki silibus sukatan pelajaran untuk selaraskan kepada semua pelajar dan menjamin keberkesanannya. Isu yang sama dihadapi oleh PERKIM, modul yang ada dianggap tidak sesuai dengan kefahaman pelajar menyebabkan mereka susah untuk menguasai ilmu yang disampaikan. Walaupun KECMA dan HCF tidak melihat cabaran dari segi keperluan satu modul yang standard tetapi isu ini perlu diatasi untuk memberi manfaat kepada semua organisasi yang terlibat.

Sumber Manusia

Cabaran dari segi sumber manusia juga adalah antara cabaran yang kritikal yang dihadapi oleh organisasi yang dikaji. PUSBA menghadapi masalah dari segi jawatan kakitangan pentadbiran bersifat sementara. Gred gaji pengetua ialah gred 41 dan jawatan lain gred 17. Keadaan ini berlaku kerana kekangan dari segi peruntukan. Keadaan ini menyebabkan kakitangan kurang bermotivasi untuk bekerja. KECMA pula berdepan dari segi pengurusan organisasi yang tidak tersusun. Pengerusinya seorang yang buta huruf. Manakala ahli jawatankuasa tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam menguruskan organisasi.

KECMA dan HCF pula berdepan dengan cabaran untuk mendapatkan tenaga pengajar sukarela khusus yang dapat mengajar pengajian asas fardhu ain. Walaupun HCF mempunyai tenaga sukarelawan tetapi tidak semua yang dapat dihubungi pada masa yang diperlukan. Bagi menghadapi cabaran ini, organisasi-organisasi ini secara langsung atau tidak langsung bekerjasama di antara satu sama lain. Selain itu HCF juga secara pro aktif telah melatih pelapis-pelapis dakwah baru melalui program Latihan Dakwah,⁶ Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk (DDMM),⁷ dan *Training The Trainers Course (TTC)*.⁸

⁶ Usaha dakwah dalam masyarakat majmuk memerlukan bukan sekadar kuantiti, malah kualiti pendakwah yang mantap kefahaman dan kemahiran dakwahnya. Untuk melahirkan takungan dakwah sebegini memerlukan proses latihan dakwah yang berkesan dan bernafas panjang. Justeru, projek latihan dan perkaderan yang digerakkan oleh HCF amat penting dan dapat membantu mencapai visi dan misi dakwah yang dihasratkan.

⁷ DDMM memberikan pengisian ilmu berdakwah kepada para peserta disamping melatih para peserta untuk berdakwah kepada masyarakat majmuk. Terdapat 6 fasa dalam modul kursus ini.

⁸ Program latihan lanjutan untuk para aktivis dakwah yang memfokuskan penguasaan terhadap tajuk-tajuk kontemporari dan relevan dengan realiti dakwah dalam masyarakat majmuk semasa.

Organisasi-organisasi yang dikaji sependapat mereka amat memerlukan tenaga pengajar yang boleh berbahasa selain daripada Bahasa Melayu, contohnya Bahasa Tamil, Mandrin dan Bahasa Thai bagi membolehkan penyampaian ilmu lebih berkesan kepada etnik-etnik tersebut. Cabaran dari segi sumber manusia ini adalah antara cabaran yang kritikal yang dihadapi dan perlu ditangani bagi memastikan usaha untuk membimbing muallaf berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang digariskan.

Kewangan

Didapati organisasi-organisasi yang dikaji, KECMA, HCF dan PERKIM berpendapat masalah kewangan merupakan antara cabaran yang mereka hadapi dalam menjalankan kelas pengajian. KECMA berdepan dengan cabaran dari segi kewangan dalam melaksanakan aktiviti bimbingan dan kebajikan. Selain dari pendapatnya sendiri yang tidak seberapa, sumber kewangan diperoleh dari NGO dan derma daripada orang perseorangan. Begitu juga HCF menghadapi masalah kewangan untuk menjalankan aktiviti bimbingan kerana tidak ada peruntukan khusus bergantung kepada sumbangan korporat dan sumbangan orang ramai. HCF telah mengadakan kempen untuk mengumpul dana contohnya kempen sehari seringgit.

Berbanding KECMA dan HCF masalah kewangan PERKIM tidak begitu serius. Sumber pendapatan PERKIM 80 peratus banyak bergantung kepada sumbangan korporat, orang ramai, sewaan dan gadaian. Selebihnya sumbangan oleh LZNK untuk asnaf muallaf dan peruntukan dari PERKIM Kebangsaan. Wang yang terkumpul tersebut akan dibahagi-bahagikan ke Cawangan PERKIM seluruh Kedah dan digunakan untuk program-program bimbingan dan kebajikan termasuklah untuk kelas pengajian asas agama Islam. Jumlah yang ada terpaksa digunakan sebaik mungkin untuk menampung. PUSBA juga mendapat bantuan zakat dari LZNK.

Sikap Muallaf

Tidak dinafikan sikap muallaf merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh organisasi dakwah dalam melaksanakan kelas pengajian. Antaranya muallaf tidak berminat untuk mengikuti kelas pengajian kerana tujuan sebenar dia memeluk Islam tidak ikhlas. Keputusan itu diambil kerana hendak berkahwin, dorongan pihak tertentu atau sebab untuk mendapatkan bantuan kewangan. Muallaf yang bermasalah bukan sahaja tidak berminat untuk mengikuti kelas merupakan golongan yang berpendapatan rendah dan kurang mampu untuk menguruskan diri dan kehidupan. Ada antara mereka yang menganggur dan ada ibu tunggal yang ditinggalkan suami. Kebanyakan ibu tunggal ini ialah warga Thailand yang berkahwin dengan lelaki tempatan. Mereka hidup dalam kesempitan dan bantuan-bantuan dari institusi kerajaan sukar diperolehi kerana mereka bukan warganegara. Terdapat juga dalam kalangan muallaf yang terlibat dengan dadah, judi dan arak serta menghadapi masalah kejiwaan. Bukan sahaja individu tersebut bermasalah tetapi seluruh keluarganya hidup dalam keadaan porak-poranda. Keadaan ini tidak mematahkan usaha NGO untuk membimbing muallaf yang bermasalah ini dengan mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan personal untuk membantu golongan-golongan yang bermasalah ini agar mereka terus kekal dalam Islam.

Perbincangan

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh organisasi dakwah di Negeri Kedah dalam melaksanakan kelas Pengajian Pengajian Fardhu Ain yang berkaitan dengan masalah sumber manusia, kewangan, sikap muallaf adalah selari dengan kajian-kajian tentang cabaran dalam

melaksanakan dakwah di Malaysia. Syed Othman al-Habsyi (1998) mendapati cabaran dakwah berkaitan dengan masalah sasaran dakwah, masalah pendekatan, kekurangan pendakwah, kelemahan strategi dan masalah langkah seterusnya (*follow up*) iaitu selepas memeluk agama Islam. Abdul Manaf Haji Ahmad (1998) menyatakan antara masalah yang dihadapi oleh pendakwah berdasarkan kajian Majlis Syura Dakwah Islamiah Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia ialah masalah kewangan, masalah tenaga pendakwah, kekurangan bahan bacaan berbentuk dakwah, masalah muallaf dan masalah dakwah dalam negara berbilang kaum dan agama.

Kajian oleh Syahrul Faizaz (2013) dan kajian oleh Azmi Mat Sahi serta Maimunah Ismail (2003) mendapati antara kekangan yang dihadapi oleh institusi dakwah ialah dari segi sumber manusia sama ada aspek kekurangan kakitangan pentadbiran atau dari segi kepakaran. Syahrul Faizaz (2013) mendapati organisasi dakwah telah cuba mengatasi cabaran ini dengan berkerjasama dengan institusi dakwah lain atau NGO dan dengan cara merekrut sukarelawan dakwah terutamanya dalam kalangan muallaf sendiri. Walaupun telah wujud kerjasama antara organisasi dakwah di Negeri Kedah tetapi usaha tersebut perlu diperkembangkan lagi dengan mengambil iktibar jalinan kerjasama organisasi dakwah yang terdapat di Malaysia.

Cabaran dari segi keperluan modul yang sesuai untuk kelas pengajian selari dengan dapatan Noraizan Binti Abdul Ghani (2007) yang telah mengkaji tentang keberkesanan kurikulum bimbingan Muallaf Orang Asli di Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) menekankan tentang keperluan kepada kurikulum yang sesuai bagi membantu muallaf dalam memahami dan menghayati intipati ajaran Islam dengan sebaik mungkin. Kajian oleh Azman, A.R et. al (2015) dalam kajian mereka untuk mengenal pasti persepsi muallaf terhadap pengisian dan program pembangunan muallaf yang disediakan khususnya di Negeri Sembilan mencadangkan agar modul yang ada perlu diperbaiki dengan menekankan aspek asas tauhid dan mengekalkan latihan praktikal yang ada. Dapatan kajian oleh Abdul Ghafar Don et al. (2013) tentang kefahaman dan penghayatan orang asli juga telah mencadangkan perlunya kepada silibus atau modul yang sesuai dengan tahap pemikiran dan kehidupan realiti orang asli. Oleh itu usaha untuk menggubal satu modul yang standard perlu dengan mengambil kira pelbagai aspek dari segi bahasa, kurikulum dan tahap yang sesuai dan mengambil kira latar belakang sosial muallaf.

Kesimpulan

Kelas Pengajian asas Fardhu ain kepada muallaf sangat penting kerana dia memainkan peranan penting dalam menanamkan asas-asas agama Islam yang diperlukan supaya muallaf dapat menjalani hidup sesuai dengan ajaran Islam yang sebenar. Pelaksanaan kelas pengajian Fardhu Ain yang dilaksanakan oleh organisasi dakwah di Negeri mempunyai persamaan dari segi tujuan dan pelaksanaannya dengan organisasi dakwah di negeri-negeri lain di Malaysia. Walaupun kelas pengajian ini banyak dikendalikan oleh NGO dengan pendekatan yang berbeza tetapi objektif untuk membimbing muallaf tercapai. Kajian mencadangkan kekurangan dalam melaksanakan kelas pengajian ini diatasi melalui kerjasama antara pelbagai organisasi yang terlibat di semua peringkat kerana organisasi ini mempunyai objektif yang sama. Kelas bimbingan juga memerlukan modul pengajian yang standard dengan menimbangkan latar belakang budaya yang berbeza khusus dalam aspek akidah sebelum memeluk Islam. Modul ini akan digunapakai oleh semua organisasi dakwah yang terlibat. Organisasi dakwah di Kedah juga perlu merangka plan untuk melahirkan pelapis-pelapis dakwah yang akan dapat membantu memantapkan usaha dakwah kepada muallaf di Kedah.

Rujukan

- A'athiroh Masyaa'il Tan, Razaleigh Muhamat @Kawangit, Anuar Puteh & Fakrul Adabi Abdul Kadir. (2014). Persepsi saudara Muslim terhadap program dakwah di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan, Kuala Lumpur. Dalam *Jurnal Sains Humanika*. 2:1(2014) 145-150. www.sainshumanika.utm.my
- Abduggl Ghafar Don et al. (2013). Signifikasi kefahaman dan penghayatan Islam dalam konteks dakwah Orang Asli Selangor. Dalam Prosiding *Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013*: Kolej Universiti Islam Selangor. 7-8 September
- Abdul Manaf Haji Ahmad. 1998. Masalah dakwah Islamiah di Malaysia dan cara mengatasinya. Dlm. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot (pnyt.). *Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*, hlm. 169-182. Bangi: Penerbit UKM.
- Anuar Puteh. (2005). Keperluan bimbingan kepada muallaf. Dalam Razaleigh Muhamat @Kawangit, Faudzinain Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pny.). *Masa depan muallaf: Harapan, realiti dan cabaran*. Bangi: Pusat Islam UKM
- Azmi Mat Sahi dan Maimunah Ismail. (2003). Status Program Pembelajaran di Kalangan Muallaf: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 11 (1):81-95.
- Azman, A.R , Irwan, M.S , Mahazan, A.M4 , Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R , Nuradli Ridzwan Shah, M.D , Rose Irnawaty, Ibrahim7 & Norlina Ismail. (2015). Persepsi muallaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan muallaf: Kajian di Negeri Sembilan. Dalam *Jurnal Infad*. vol 6-2015. USIM. P 135-148
- <http://hidayahcentre.org.my>. Retrieve: 10/7/2017
- <http://www.maik.gov.my>. Retrieve: 10/7/2017
- <http://www.perkim.net.my/kedah>. Retrieve: 10/7/2017
- Ibrahim Lai. (2014). Pelaksanaan Kelas Bimbingan KECMA. Temu bual. Jitra: KECMA. 15 Disember.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2014/2015). *Laporan Tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2014/2015*
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2015/2016). *Laporan Tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015/2016*
- Mahfuz Haji The. 1992. *Kefahaman tentang Islam dan pengamalannya oleh muallaf: satu kajian khusus di Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Akademi Islam. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohammad Hafis Shafiq Mohammad Sopian. (2017). *Pelaksanaan Kelas Bimbingan HCF*. Temu bual. Pusat Pendidikan al-Azhar Jitra Kedah: HCF
- Mohd Fazli bin Hamdani. (2015). *Pelaksanaan Kelas Bimbingan PERKIM*. Temu bual. Alor Star: Ibu Pejabat PERKIM. 15 Disember.
- Mohd Nazri Bakar. (2014). Pelaksanaan Kelas Bimbingan PUSBA. Temu bual. Sungai Petani: PUSBA. 15 Disember.
- Razaleigh Muhamad @Kewangit dan Marlo Pontino Guleng. (2014). Respon muallaf terhadap pendidikan dan latihan amali yang dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bharu Kelantan. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*.
- Noraizan Binti Abdul Ghani. 2007. *Keberkesanan Kurikulum Bimbingan Muallaf Orang Asli di Jabatan Agama Islam Pahang*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Siti Fathimatul Zahrah dan A'athiroh Masyaa'il Tan. (2015). Pengajaran pendidikan Islam terhadap muallaf: Satu tinjauan literatur. Dalam *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*
- Syahrul Faizaz Abdullah. (2013). *Pendekatan dan cabaran organisasi dakwah menangani masalah hubungan etnik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor*. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaini Yusnita, Ayu Nor Azilah, Mariani (2013). Peranan Jabatan Agama Hal Ehwal Islam Kelantan (JHEIK) dalam membimbing golongan muallaf: Satu tinjauan awal. Dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013*: Kolej Universiti Islam Selangor. 7-8 September
- Zakaria Noh. (2010). *Peranan Pertubuhan PERKIM dalam pembinaan keagamaan muallaf di Malaysia*. Skripsi Sarjana Theologi Islam Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Pekanbaru Riau
- Zulfadli Zafik. (2012). Pelaksanaan bimbingan dan konseling Islam dalam meningkatkan keyakinan beragama muallaf di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat Selangor Malaysia. Skripsi Sarjana Komunikasi Islam Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Pekanbaru Riau